

TALKING POINT

MAJLIS MESRA PEMIMPIN BERSAMA PESERTA FELCRA BERHAD

**TARIKH: 12 JUN 2016 (AHAD)
WAKTU KETIBAAN : 6.00 PETANG**

RM74,785,488.61

**~ AGIHAN KEUNTUNGAN INTERIM 1/2016
PESERTA-PESERTA FELCRA Berhad**

IMPIAN & HARAPAN RAKYAT DIUTAMAKAN

1. Selama hampir 5 dekad bermula tahun 1966 hingga kini, FELCRA Berhad sebagai agensi pelaksana KKLW dengan utuhnya telah merealisasikan matlamat tersebut melalui pembangunan tanah serta memegang teguh amanah kepada hampir 112 ribu orang peserta seluruh Malaysia dari pelbagai bangsa dan agama.
2. Keuntungan hasil ladang dibayar 3 kali setahun iaitu bayaran dalam bentuk Interim 1, interim 2 dan akhir. Kelazimannya tempoh bayaran dibuat berdasarkan kesesuaian musim seperti Aidilfitri (Interim 1) dan persekolahan (Interim 2) bagi memberikan kegembiraan kepada peserta di samping membantu mereka.

PRESTASI KESELURUHAN P&L HASIL LADANG PESERTA-PESERTA PROGRAM PENYATUAN & PEMULIHAN (P&P) SEHINGGA APRIL, 2016

3. Pencapaian Hasil Tanaman

Kelapa Sawit

Hasil kelapa sawit adalah sebanyak 484,453 metrik tan iaitu penurunan sebanyak 28,555 mt berbanding 523,008 bagi tahun 2015 atau 5.46%. Ini adalah disebabkan kluasan berhasil telah berkurang sebanyak 8,420 hektar atau 7.04%.

Getah

Hasil getah adalah sebanyak 2,938,868kg iaitu penurunan sebanyak 4,429,123kg berbanding 7,367,991kg bagi tahun 2015 atau 60.11%. Ini adalah disebabkan keluasan berhasil telah berkurang sebanyak 9,010 hektar atau 51.24%.

4. Pendapatan/Hektar

Kelapa Sawit

Pendapatan kelapa sawit adalah sebanyak RM2,129/hektar telah meningkat sebanyak RM193/hektar berbanding 1,936/hektar pada tahun 2015 atau 9.97%.

Getah

Pendapatan getah sebanyak RM1,030/hektar menurun sebanyak RM952/hektar berbanding RM1,982/hektar bagi tahun 2015 atau 48.04%.

5. Harga/hektar

Kelapa Sawit

Aliran purata harga jualan buah tandan segar (BTS) adalah sebanyak RM489/metrik tan berbanding RM443/metrik tan bagi tahun 2015 iaitu kenaikan sebanyak RM46/metrik tan atau atau 10.38%.

Getah

Aliran purata harga jualan getah SMR adalah sebanyak RM3.32/kilogram berbanding RM3.69/kilogram bagi tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak RM0.37/kilogram atau atau 1%.

6. Kos Pengeluaran/Hektar

Kelapa Sawit

Kos pengeluaran kelapa sawit adalah sebanyak RM85.24/hektar iaitu peningkatan sebanyak RM85.24/hektar berbanding RM901/hektar bagi tahun 2015 atau 7.53%.

Getah

Kos pengeluaran bagi tanaman getah adalah sebanyak RM992/hektar berbanding RM1,590/hektar bagi tahun 2015 atau 4.83%.

Penurunan kos pengeluaran disebabkan pengurusan telah menangguh atau membatalkan beberapa insentif yang diperkenalkan semasa harga komoditi getah yang baik kepada penoreh.

7. Keuntungan/Hektar Tanaman Kelapa Sawit dan Getah

Kelapa Sawit

Keuntungan kasar hasil kelapa sawit adalah sebanyak RM965/hektar iaitu kenaikan sebanyak RM64/hektar berbanding RM919/hektar pada tahun 2015 atau kenaikan sebanyak 6.96%.

Getah

Keuntungan kasar hasil getah adalah sebanyak RM116/hektar iaitu penurunan sebanyak RM198/hektar berbanding RM314/hektar bagi tahun 2015 atau penurunan sebanyak 63.05%.

Penurunan harga getah di pasaran yang begitu besar telah menjaskan pendapat kepada pemilik projek yang ditanam dengan getah.

8. Agihan Keuntungan 1/2016 ini adalah sebanyak 90% berbanding 70% bagi agihan keuntungan 1/2015 disebabkan pengurusan FELCRA Berhad telah mengambil inisitif untuk mengenakan caj kos baja pada pusingan pertama

KEUTUHAN WARGA PESERTA BERSAMA FELCRA BERHAD

9. FELCRA Berhad memahami bahawa akibat kejatuhan harga ringgit iaitu USD1 bersamaan RM4.06 telah menekan harga komoditi seterusnya memberikan impak kepada pendapatan peserta.
 10. Beberapa inisiatif telah diambil bagi menambah pendapatan peserta dengan mempekenalkan beberapa aktiviti peningkatan pendapatan peserta. Inisiatif yang diambil adalah Pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP):-
 - i. Program Laman Dapur yang menggalakkan rakyat menanam sendiri sayur, ulam, herba serta menternak ikan dan ayam bagi keperluan keluarga sendiri dan menjualnya sekiranya berlebihan.
- Seramai 7,339 peserta FELCRA terlibat dalam program ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1,834,750.00 iaitu pada kadar RM250 bagi setiap peserta.

- ii. Program Ternakan Kenaf dan industri hiliran kenaf dengan kerjasama Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), yang dapat menambah pendapatan peserta melalui tanaman secara *intercrop* di projek-projek tanam semula.

Fasa pertama projek pilot dilaksanakan seluas 100 hektar melibatkan peserta seramai 400 orang. Peserta dijangka menerima pulangan purata sebanyak RM2,200.00 sehektar/sepuasingan.

- iii. Program Pembangunan Keusahawanan yang giat dijalankan dengan memberi tumpuan kepada Program Ekonomi Peserta yang menawarkan pinjaman mudah tanpa faedah bagi mengembangkan bisnes mereka.

Sehingga Mei 2016, seramai 733 peserta telah menerima manfaat daripada program ini yang bermula, dalam 6 bidang utama iaitu akuakultur, ternakan, tanaman, proses makanan, pembuatan dan perkhidmatan.

RM 74,785,488.61 ~

**AGIHAN KEUNTUNGAN INTERIM 1/2016
PESERTA FELCRA Berhad**

Jadual : Agihan Keuntungan Interim 1/2016 Mengikut Negeri

| BIL | NEGERI | CADANGAN AGIHAN KEUNTUNGAN INTERIM 1/2016 (90%) | | |
|-----|-------------|-------------------------------------------------|----------------------|----------------------|
| | | BIL. PROJEK | BIL. PESERTA (ORANG) | BAKI BOLEH AGIH (RM) |
| 1 | JOHOR | 126 | 8,154 | 16,418,961.68 |
| 2 | PAHANG | 155 | 11,288 | 12,045,625.22 |
| 3 | PERAK | 174 | 15,943 | 20,338,062.17 |
| 4 | SABAH | 30 | 1,534 | 3,181,476.95 |
| 5 | SARAWAK | 75 | 8,039 | 5,615,482.44 |
| 6 | MELAKA | 60 | 6,937 | 2,178,924.19 |
| 7 | N. SEMBILAN | 120 | 12,973 | 4,058,086.86 |
| 8 | SELANGOR | 27 | 2,704 | 2,056,005.94 |
| 9 | KELANTAN | 29 | 1,797 | 809,338.92 |
| 10 | TERENGGANU | 113 | 3,758 | 5,729,019.62 |
| 11 | KEDAH | 34 | 1,047 | 945,436.37 |
| 12 | P. PINANG | 15 | 876 | 970,699.34 |

| | | | | |
|----|---------------|------------|---------------|----------------------|
| 13 | PERLIS | 5 | 84 | 438,368.92 |
| | JUMLAH | 963 | 75,134 | 74,785,488.61 |

**RM399,311.77 ~ AGIHAN KEUNTUNGAN INTERIM 1/2016 PESERTA-PESERTA
FELCRA Berhad KAWASAN TELUK MENTERI**